



Dalam tahun 1979, **SUMATEC CONSTRUCTION SDN BHD** telah memulakan operasi dalam bidang Kejuruteraan dan Pembinaan dan seterusnya telah mengorak langkah ke seluruh Malaysia. Bertahun berlalu seiring dengan banyak kejayaan yang dicapai dan sejajar dengan Polisi Ekonomi Baru kerajaan, Sumatec Construction Sdn Bhd telah merombak semula struktur dan ekuiti syarikat menjadikan ia dikenali sebagai SUMATEC CORPORATION SDN BHD pada tahun 1985. Hari ini, SUMATEC merupakan syarikat pembinaan Kelas A (PKK) dan CIDB G7 telah menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan dalam bidang pembinaan.

Setelah lebih 25 tahun, SUMATEC berupaya membina kekuatan dalam pengendalian Jalinan Bersepadu Pelbagai Bidang Pembinaan (*Total Integrated Multi-Disciplinary Construction*) melibatkan kesemua fasa kerja-kerja pembinaan yang merangkumi pembinaan bangunan dan awam, memasang siap struktur dan menegakkan logam, perpaipan mekanikal (*mechanical piping*), tangki, alatan memproses binaan (*process equipment erection*) serta elektrik & set peralatan kerja (*electrical & instrumentation work*).

Kemampuan unik ini telah membantu pemilik, atau kontraktor sistem siap guna (*'Turnkey'*) untuk mengurangkan bilangan kontraktor di tapak binaan dan juga mengurangkan jarak perjumpaan di antara kontraktor di tapak kerja, dan hasilnya dapat meringankan beban kerja kepada pemilik atau kontraktor utama dengan memendekkan jangkamasa pembinaan dan akhirnya dapat menjimatkan kos.

**SUMATEC** berbangga kerana dapat menyediakan kerja-kerja pembinaan yang mematuhi pengiktirafan standard antarabangsa kepada para pelanggannya. Telah menjadi polisi syarikat melantik kumpulan penyeliaan pihak-ketiga untuk menilai dan memutuskan berkenaan kualiti dan mutu kerja di atas kerja-kerja yang dilaksanakan. Audit daripada Kawalan Kualiti Biasa (*Regular Quality Control*) dilakukan bagi memastikan setiap proses pelaksanaan projek menepati keperluan Standard Sistem Kualiti SUMATEC yang telah disahkan mematuhi Standard ISO 9000 sejak dari 1996, satu perakuan kepada komitmen SUMATEC terhadap kualiti.

Daripada rekod yang sedia ada, **SUMATEC** telahpun mempunyai senarai pembekal dan sub-kontraktor yang berwibawa untuk mendapatkan sumber bahan dan perkhidmatan dengan harga yang sangat berpatutan bagi menyertai sebarang tender projek mega. Kebanyakan projek mega yang telah berjaya disempurnakan di seluruh Malaysia, Cambodia, Singapura, Sudan, Republik Cameroon, Vietnam, Azerbaijan dan Maldives tercapai hasil daripada keunggulan kepakaran SUMATEC di dalam menyediakan Jalinan Bersepadu Pelbagai Bidang Pembinaan (*Total Integrated Multi-Disciplinary Construction*).

Melalui pejabat operasi di Abu Dhabi (UAE) Republik Cameroon, Chad dan pejabat cawangan di Khartoum (Sudan), Baku (Azerbaijan) dan Phnom Penh (Cambodia), SUMATEC kini lengkap dan mantap untuk menjalankan kontrak EPCC seperti Projek E11 & Gas dan Petrokimia serta projek-projek lain di luar negara, terutamanya sekitar Indochina, Kawasan Teluk Timur Tengah, Benua Afrika dan Negara-Negara Sekutu/bebas Komanwel. (CIS)